



KEWUJUDAN kios pelancongan di tepi jalan memudahkan pelancong mendapatkan maklumat mengenai aktiviti yang ditawarkan di sekitar Patong.

PATUNG Big Buddha Of Phuket menjadi lokasi utama kunjungan setiap pelancong ke sini.



percutianku

Oleh HAMIDAH MOHD. ARIS



Berbeza berbanding Phuket yang sesak dan padat dengan aktiviti manusia, Patong diibaratkan sebagai bandar pelancongan. Dikelilingi pantai dengan pasir yang memutih dan resort-resort bertaraf tiga hingga lima bintang, tidak hairanlah ia sentiasa sesak dengan kehadiran pelancong asing saban tahun.

SEJAK sistem penerbangan tambang murah diperkenalkan di negara ini, penulis menjadikan aktiviti melancong sebagai satu hobi. Tidak hairanlah, pantang ada promosi penerbangan murah yang ditawarkan pasti ada sahaja rancangan yang diatur bersama teman-teman untuk bercuti ke luar negara. Antara negara yang pernah dilawati ialah Singapura, Bali dan Jakarta, Indonesia.

Baru-baru ini penulis ditemani lima rakan memilih untuk ke Phuket, Thailand.

Keterujaan untuk melawat ke negara Gajah Putih itu menyebabkan tempoh dua jam penerbangan tidak begitu dirasakan.

Sebaik tiba kami terus menuju ke Patong yang terletak kira-kira 45 minit dari bandar Phuket.


Berbeza dengan Phuket yang sesak dan padat dengan aktiviti manusia, Patong diibaratkan sebagai kota pelancongan.

Dikelilingi pantai dengan pasir yang memutih dan resort-resort bertaraf tiga hingga lima bintang, tidak hairanlah ia sentiasa sesak dengan kehadiran pelancong asing saban tahun.

Kepenatan mengharungi perjalanan yang panjang membuatkan kami selesa berehat di hotel. Hanya pada sebelah malamnya, barulah kami berpeluang melihat sekitar Patong dengan lebih dekat.

Apa yang pasti, pekan kecil itu seakan-akan tidak pernah sunyi pada sebelah malam. Deretan bazar, gerai, kafe, kelab malam dan restoran di sepanjang jalan membuatkan ia sentiasa sesak dengan kehadiran pelancong.

Sebut apa sahaja, daripada pakaian, cenderamata,



info

HAMIDAH MOHD. ARIS

Umur: 33 tahun

Asal: Seremban, Negeri Sembilan

Pekerjaan: Setiausaha

Hobi: Melancong dan membeli-belah

KEUNIKAN seni bi
purba yang meng
FantaSea nyata m
pandangan.

kosmo 13/10/2011 32-33.

Pekan kecil Patong tidak pernah tidur



PENGALAMAN menyaksikan panorama alam semula jadi di Koran View Point sukar diungkapkan dengan kata-kata.

aksesori wanita, gajet dan sebagainya boleh didapati di Patong.

Penulis juga tidak dapat menahan diri daripada membeli-belah termasuklah pelbagai cenderamata untuk dibawa pulang.

Satu tip yang ingin dikongsi kepada pembaca ialah cuba tawar-menawar terlebih dahulu dengan peniaga sebelum membeli barang yang dihajati. Mereka sememangnya peramah, jika bernasib baik anda mungkin membeli barangan yang jauh lebih murah berbanding harga asal.

Dahagikan hiburan

Langkah kami seterusnya diatur ke Bangla Road yang boleh diumpamakan seperti di Jalan Bukit Bintang. Kehadiran pusat-pusat hiburan, pub dan peniaga jalanan membuatkan ia sentiasa sesak dengan pelancong yang dahagakan hiburan dan kehidupan malam.

Ketika berada di sini, pengunjung pasti dihiburkan dengan gelagat sekumpulan wanita seksi yang menarik tanpa segan-silu di atas pentas terbuka.

Jangan terkejut kerana mereka bukannya wanita, sebaliknya lelaki menyerupai wanita (*ladyboy*) yang menghiburkan pengunjung di premis-premis hiburan

berhampiran.

“Wah! Tak sangka, lelaki pun boleh jadi cantik dan jelita sampai macam ini. Kita yang wanita semula jadi pun kalah dibuatnya,” gurau seorang rakan penulis tatkala melihat kelibat beberapa *ladyboy* yang bergambar dengan sekumpulan pelancong asing.

Keesokannya barulah kami berkesempatan untuk melawat ke tempat-tempat menarik di sekitar Patong dan Phuket.

Bagi kemudahan pelancong, terdapat kios-kios di tepi jalan yang boleh menjadi rujukan kepada pelancong yang mahu melakukan pelbagai aktiviti menarik yang ditawarkan.

Antaranya menyelam, snorkeling, meluncur, lawatan ke pulau, meyakinkan perlawanan Muay Thai dan melawat pusat pemeliharaan gajah dengan harga pakej yang berpatutan.

Bagaimanapun, kami memilih untuk melawat ke Big Buddha of Phuket iaitu sebuah kuil penganut Buddha yang mengambil masa 40 minit perjalanan. Menariknya, patung tersebut diiktiraf antara yang terbesar di selatan Thailand.

Seterusnya, perjalanan kami ke Koran View Point yang terletak di atas puncak bukit. Di sana, pengunjung bakal disajikan panorama alam semula jadi yang terdapat di sekelilingnya. Melihat kehijauan hutan dan keindahan pantai yang memutih nyata mendamaikan jiwa. Tidak hairanlah, suasana romantik yang dirasai membuatkan ia cukup popular bagi pasangan kekasih.

Perut yang kelaparan membuatkan kami singgah di sebuah restoran yang

menyediakan hidangan Patani berdekatan hotel. Satu yang penulis ingin tekankan, agak sukar mencari restoran halal di Patong berbanding di Phuket, malah harganya juga agak mahal dan terletak agak jauh antara satu sama lain.

Berbicara soal makanan, ia tidak jauh berbeza dengan hidangan selatan Thailand yang lazim ditemui di Malaysia. Hidangan tom yam seakan-akan menjadi signatur utama yang wajib dicuba, begitu juga variasi kerabu dan makanan laut, semuanya enak dan menyelerakan.

Keesokan harinya, barulah kami berpeluang melawat pantai Patong.

Penulis kagum melihat keindahan pantainya yang bersih dan lautnya yang jernih. Tidak hairanlah, ia pernah dinobatkan antara pantai yang tercantik di dunia sebelum ini.

Selain bermandi-manda atau bermalas-malasan di tepi pantai, pengunjung juga boleh mencuba beberapa aktiviti air yang tersedia seperti kayak, jet ski, luncur atau belon udara.

Melihat panorama matahari terbenam sambil berurut di



ATAS: Hidangan selatan Thailand yang lazim ditemui di Malaysia masih menjadi menu wajib pilihan penulis dan rakan-rakan di Patong.



AKSI mengiurkan penari-penari *Ladyboy* menghangatkan suasana malam di sekitar Bangla Road.

PENULIS (kanan) dan rakan bergambar bersama sebuah replika gitar gergasi di restoran Hard Rock Cafe.

ni bina Thailand menghiasi Phuket a memukau





TOM YAM menjadi menu signatur utama makanan sewaktu berkunjung di negara Gajah Putih ini

KIRI: PELBAGAI aktiviti menarik yang disajikan di Phuket FantaSea menjadikannya berbaloi untuk dikunjungi jika ke Phuket.

tepi pantai juga antara pengalaman menarik yang boleh dicuba.

Kami kemudiannya ke Phuket FantaSea iaitu sebuah taman tema yang dibina di kawasan seluas 57 hektar dan kini menjadi salah satu tarikan utama pelancong ke Phuket.

Alam misteri

Menginspirasi seni bina Thailand purba, kunjungan ke situ bakal membawa pengunjung ke alam mitos dan misteri di samping menikmati pelbagai warisan kebudayaan yang digabungkan dengan kecanggihan teknologi moden dan terkini.

Dengan bayaran sekitar RM170, pengunjung berpeluang menikmati makan malam di dewan makan terbesar di dunia, The Golden Kinnar Buffet Restaurant yang mampu memuatkan kira-kira 4,000 pengunjung.

Kembara diteruskan dengan melawat dan melihat pelbagai tarikan yang disediakan seperti persembahan teater dan kebudayaan, eksplorasi alam laut dan taman cahaya di Legenda Kemala, Istana Gajah, Alam Kejaiban, Similan Entertainment Centre, Songbird Luminarie dan Tiger Jungle Adventure.

Bagi yang mahu membeli-belah, bolehlah berkunjung ke Kampung Karnival yang menawarkan aneka barangan seperti cenderamata, seramik, barangan kulit, kain sutera, aksesori wanita dan sebagainya.

Kunjungan ke Thailand seakan-akan tidak lengkap sekiranya tidak berkunjung ke pusat kecantikan dan spa yang banyak terdapat di sekitar Patong.

Tidak hairanlah, pada hari-hari terakhir, kami menggunakan kesempatan yang ada untuk membelai tubuh yang mula lesu selepas tiga hari berjalan. Sentuhan jari-jemari di samping mandian lulur menyebabkan tubuh kembali segar seperti sedia kala.

Sebelum pulang ke tanah air, kami juga sempat mencuci mata di Jungceylon iaitu sebuah kompleks beli-belah yang baru dibina di Patong.

Biarpun tidak banyak lokasi yang dikunjungi sepanjang percutian ke Thailand kali ini, namun penulis tetap berpuas hati. Pastinya, akan ada kunjungan kedua dan ketiga untuk meneroka keunikannya satu hari nanti.



KEADAAN deretan kedai yang terdapat di Patong.